

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)
SEMESTER 4 SESI 2/2025 (KOHORT 2024)**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Semester 4 Sesi 2/2025 (Kohort 2024) akan dikeluarkan pada **30 April 2026 (Khamis)**. Seramai **16,240** calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan di 86 Kolej Vokasional di seluruh negara.

Calon boleh memperoleh keputusan peperiksaan SVM Semester 4 Sesi 2/2025 (Kohort 2024) dari kolej masing-masing mulai **pukul 10.00 pagi** pada tarikh tersebut. Calon juga boleh memperoleh keputusan peperiksaan secara dalam talian melalui pautan myresultsvm.moe.gov.my mulai pukul 10.00 pagi pada 30 April 2026 (Khamis) sehingga pukul 6.00 petang pada 6 Mei 2026 (Rabu).

KPM mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua calon peperiksaan SVM Semester 4 Sesi 2/2025 (Kohort 2024). Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk terus cemerlang dalam bidang kemahiran dan menyumbang kepada pembangunan negara melalui laluan TVET yang progresif dan berdaya saing.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
28 APRIL 2026**